

# Sektor pengangkutan berasas rel pacu ekonomi

**Sektor** pembangunan kereta api perlu dipertingkatkan dan diperluas kerana ia membawa kepada pertumbuhan ekonomi mampan kepada negara bagi tempoh jangka panjang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kerajaan sudah memperkenankan beberapa projek pembangunan dalam sektor berkenaan antaranya MRT, LRT, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik (PLBE).

“Kita menyasar pembangunan kereta api untuk tempoh jangka panjang dan bukan hanya lima tahun perancangan, ia mungkin lebih 10 tahun, 20 tahun.

“Perancangan bukan hanya membabitkan pelaksanaan projek di Semenanjung, tetapi juga beberapa lagi projek di Sabah dan Sarawak,” katanya pada sidang media selepas majlis penyempurnaan serah milik mesin kerja trek kepada Fajarbaru Builder Group Bhd, di Kuala Lipis, semalam.

Selari dengan matlamat itu, Tiong Lai berkata, kerajaan juga mengharapkan lebih banyak penyertaan peserta industri dalam sektor berkenaan.

“Kita memerlukan pelbagai pengendali dalam sektor pengangkutan kargo kereta api terutama menghubungkan antara pelabuhan.

“Pada masa ini, perkhidmatan penghantaran menerusi kargo hanya dimonopoli oleh Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB), justeru dengan adanya pembabitan pengendali lain ia akan mewujudkan persaingan yang sihat seterusnya memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat,” katanya.

## **Fasa baharu kepada Malaysia**

Beliau berkata, sektor pembangunan kereta api sangat berpotensi dan ia adalah permulaan fasa baharu kepada Malaysia.

“Jika di Korea dan Jepun, mereka sudah memiliki ramai operator yang terbabit dalam industri itu dan Malaysia ke arah pendekatan yang sama.

Mengulas lanjut beliau berkata, beberapa syarikat sudah menyatakan minat untuk menjadi operator dalam sektor berkenaan dan mereka kini pada peringkat akhir penilaian.

“Mereka sudah mengadakan perbincangan dengan kementerian dan kami akan menelitinya sebelum membuat sebarang keputusan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan meneliti dakwaan Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO) berhubung tiga lokasi di selatan Lautan Hindi yang berpotensi menjadi lokasi terakhir penerbangan Malaysia Airlines MH370.

Katanya, maklumat itu perlu diteliti bagi memastikan kesahihan serta kredibiliti maklumat yang diterima.

“Kita tunggu hasil daripada mereka yang pakar. Kita tidak boleh membuat sebarang andaian.

“Kena tengok dulu sama ada ia fakta lama atau baharu atau sama ada fakta ini boleh meyakinkan dan dipertimbangkan oleh ketiga-tiga negara Malaysia, China dan Australia untuk melihat kembali keputusan bersama menggantung misi pencarian MH370,” katanya.